

SEKATARAKYAT

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

# LAPORAN TAHUNAN 2025



# TAMAN IRMA SEKATA @ SALAK TINGGI - SEPANG



RUMAH TERES 39 UNIT - FASA 1



LOT BANGLO 17 LOT


RUMAH TERES 39 UNIT

**LOT BANGLO  
DIBUKA UNTUK  
JUALAN**

**- 17 LOT SAHAJA  
- MIN - 7997 KPS**



**019 3333 121 ( MIZI )**



**RM  
55 / KPS**



Kedudukan 1 - 20 | Ranking 1 - 20

# KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

NEGERI / STATE :  
WILAYAH PERSEKUTUAN



**KEANGGOTAAN**  
MEMBERSHIP :  
**6,147**



**SYER DAN YURAN**  
SHARE AND SUBSCRIPTIONS :  
**RM235,598,000**



**KUMPULAN WANG ANGGOTA**  
SHAREHOLDER'S FUND :  
**RM269,728,000**



**JUMLAH ASET**  
TOTAL ASSET :

**KOPERASI**  
CO-OPERATIVES  
**RM1,240,478,000**

**KUMPULAN**  
GROUP  
-



**PENDAPATAN**  
INCOME :

**KOPERASI**  
CO-OPERATIVES  
**RM110,244,000**

**KUMPULAN**  
GROUP  
-



**AKTIVITI UTAMA**  
ACTIVITIES :

**AR-RAHNU / PAJAK GADAI**  
AR-RAHNU / PAWNSHOPS

# 7



# ISI KANDUNGAN

- 3-4** Maklumat Unit-Unit Perniagaan
  - 5** Pimpinan Sekatarakyat
  - 6** Keluarga Sekatarakyat
  - 7** Slot Anugerah dan Pencapaian
  - 8** Info Ringkas 2025
- 9-19** Sorotan 2025
- 20-34** Program dan Majlis 2025
- 35-41** Aktiviti Harian Unit-unit 2025
- 42** Laporan Lembaga Pengarah
  - 42** Lembar Sejarah
  - 43** Kelebihan Menjadi Anggota Sekatarakyat
  - 46** Prestasi Kewangan Sekatarakyat
  - 47** Prestasi Dividen Sekatarakyat
    - Keanggotaan
    - Aset
  - 48** Tadbir Urus Sekatarakyat
  - 49** Aktiviti Perniagaan Sekatarakyat
  - 73** Perkembangan Projek Hartanah
  - 75** Kebajikan Anggota
  - 76** Sumber Manusia
  - 77** Latihan | Kursus | Seminar | Program Warga Kerja
  - 78** Laporan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus
  - 88** Tabung dan Pembayaran Khairat Kematian
  - 89** Perancangan Masa Hadapan
    - Prinsip-prinsip Koperasi
- 91-93** Pengenalan Produk Baru Yang Ditawarkan Pada Tahun 2025

# MAKLUMAT UNIT-UNIT PERNIAGAAN SEKATARAKYAT

## IBU PEJABAT

### KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD (SEKATARAKYAT)

No. Pendaftaran : 4958  
Tarikh Pendaftaran : 23 September 1974  
Alamat : Tingkat 2A, Menara 2, Menara Kembar Bank Rakyat  
No. 33, Jalan Rakyat, KL Sentral, 50470 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan.  
Telefon : 03-2273314 | 3315 | 3609  
Faks : 03-22741314  
Emel : sekata@sekatarakyat.com.my

### AR-RAHNU X'CHANGE JALAN OTHMAN

No. 23, Jalan 1/4, Seksyen 1,  
46000 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.  
Telefon : 03-7781 4878  
Faks : 03-7781 5878  
**Beroperasi : 18 Mei 2009**

### AR-RAHNU X'CHANGE SUNGAI BESI

No. 28, Jalan Tasik Utama 5,  
Medan Niaga Tasik Damai,  
57000 Sungai Besi, Kuala Lumpur.  
Wilayah Persekutuan  
Telefon : 03-9054 8760  
Faks : 03-9054 8745  
**Beroperasi : 1 Julai 2013**

### AR-RAHNU X'CHANGE TAMAN SELASEH

No. 15, Jalan PPS1, Pusat Perdagangan Selaseh,  
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan.  
Telefon : 03-6178 5586  
Faks : 03-6178 5686  
**Beroperasi : 7 Julai 2014**

### AR-RAHNU X'CHANGE HULU LANGAT

No. 40, Jalan Seri Mas 1, Taman Seri Mas,  
43100 Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan  
Telefon : 03-9021 5986  
Faks : 03-9021 4986  
**Beroperasi : 3 September 2014**

### AR-RAHNU X'CHANGE BANDAR KINRARA

ZP-G-17, Zest Point, Lebuhraya Bukit Jalil,  
BK9, Bandar Kinrara, 47180 Puchong,  
Selangor Darul Ehsan.  
Telefon : 03-8080 1586  
Faks : 03-8080 6586  
**Beroperasi : 5 Oktober 2015**

### AR-RAHNU X'CHANGE SEREMBAN 2

No. 27G, S2 B17, Biz Avenue, Seremban 2,  
70300 Seremban, Negeri Sembilan.  
Telefon : 06-601 5986  
Faks : 06-601 1286  
**Beroperasi : 25 Julai 2016**

### AR-RAHNU X'CHANGE KOTA KEMUNING

No. 32, Jalan Anggerik R 31/R,  
Kota Kemuning, 40460 Shah Alam,  
Selangor Darul Ehsan.  
Telefon : 03-5525 0586  
Faks : 03-5525 5386  
**Beroperasi : 4 Oktober 2016**

### AR-RAHNU X'CHANGE DENGKIL

No. 1B, Taman Bintang Mas, Jalan Bintang Mas,  
43800 Dengkil, Selangor Darul Ehsan.  
Telefon : 03-8760 1000  
Faks : 03-8760 1100  
**Beroperasi : 5 November 2018**

### AR-RAHNU X'CHANGE PORT KLANG

No. 5215, Tingkat Bawah & Mezzanin,  
Persiaran Raja Muda Musa,  
42000 Port Klang, Selangor Darul Ehsan.  
Telefon & Faks : 03-38842733  
**Beroperasi : 3 Jun 2020**

### AR-RAHNU X'CHANGE AMPANG TRIANGLE

No. 21G, Wisma Ampang Triangle 2,  
Jalan Memanda 7/1, Off Jalan Ampang  
68000 Ampang, Selangor Darul Ehsan.  
Telefon : 03-42655726  
Faks : 03-42665726  
**Beroperasi : 3 Jun 2020**

### AR-RAHNU X'CHANGE PASAR BORONG

129-151, Jalan 2/3A, Pusat Bandar Utara Selayang,  
68100 Batu Caves, Kuala Lumpur.  
Telefon : 03-61281404  
Faks : 03-61281484  
**Beroperasi : 5 Jun 2020**

### AR-RAHNU X'CHANGE BANDAR MELAWATI

No. 326, Jalan Bandar Melawati,  
Melawati Square, Pusat Bandar Melawati,  
68000 Ulu Klang, Selangor Darul Ehsan.  
Telefon : 03-34164086  
Faks : 03-41619988  
**Beroperasi : 10 Mei 2021**

# MAKLUMAT UNIT-UNIT PERNIAGAAN SEKATARAKYAT

## **AR-RAHNU X'CHANGE DATARAN OTOMOBIL**

B 10, Dataran Otomobil, 17G, Jalan Pahat J 15/J,  
Seksyen 15, 40200 Shah Alam,  
Selangor Darul Ehsan.

Telefon : 03-55240024

**Beroperasi : 1 Februari 2023**

## **AR-RAHNU X'CHANGE MANTIN**

No. 27A, Jalan Besar Pekan Mantin,  
71700 Mantin, Negeri Sembilan Darul Khusus.

Telefon : 06-7587232

Faks : 06-7587231

**Beroperasi : 28 Mac 2024**

## **AR-RAHNU X'CHANGE PUNCAK ALAM**

No. 29, Jalan Niaga Bestari 3, Puncak Bestari,  
42300 Puncak Alam, Selangor Darul Khusus.

Telefon : 03-33923323

**Beroperasi : 29 Mac 2024**

## **AR-RAHNU X'CHANGE SRI RAMPAI**

No. 40-1-1, Jalan Megan Setapak,  
Sri Rampai, 53300 Kuala Lumpur.

Telefon : 03-41443233

**Beroperasi : 29 Mac 2024**

## **AR-RAHNU X'CHANGE SRI MUDA**

No. 26, Jalan Mesra 25/66, Taman Sri Muda,  
Seksyen 25, 40400 Shah Alam.

Selangor Darul Ehsan.

Telefon : 03-51224311

**Beroperasi : 2 September 2024**

## **PERKHIDMATAN PENYEDIAAN MAKANAN**

### **KAFETERIA JALAN TANGSI**

Bangunan Bank Rakyat, Jalan Tangsi,  
50732, Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan.

**Beroperasi : 11 Oktober 2010**

### **KAFETERIA SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**

Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia  
Changkat Semantan, Off Jalan Semantan,  
Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur,  
Wilayah Persekutuan.

**Beroperasi : 1 April 2021**

\*(Ditutup secara rasmi mulai 27 Jun 2025)

### **MEDAN SELERA SEKARAKYAT**

Lot 5 & 6, Tingkat 5, Bank Rakyat,  
No. 33, Jalan Rakyat, KL Sentral,  
50470 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan.

**Beroperasi : 21 Jun 2015**

## **D'SEKATA**

Tingkat Bawah, Menara Kembar Bank Rakyat,  
No. 33, Jalan Rakyat, KL Sentral,  
50470 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan.

**Beroperasi : 27 Disember 2021**

## **KENNY ROGERS ROASTERS**

Sekata Makmur, Orchid Deluxe Park,  
11-G, Jalan ODP 12, Taman Ringlet,  
39200 Ringlet, Pahang Darul Makmur.

**Beroperasi : 1 Jun 2022**

## **PERUNCITAN**

### **KEDAI SERBANEKA JALAN TANGSI**

Bangunan Bank Rakyat, Jalan Tangsi,  
50460 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan.

Telefon : 03-22622002

**Beroperasi : 11 Oktober 2010**

### **KEDAI SERBANEKA MKBR**

Tingkat 5, Menara Kembar Bank Rakyat,  
No. 33, Jalan Rakyat, KL Sentral,  
50470 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan.

Telefon : 03-2276 2986

**Beroperasi : 21 Julai 2015**

## **TAMAN ASUHAN KANAK-KANAK (TASKA)**

### **TASKA QASEH NURI**

Tingkat 2A, Menara 2, Menara Kembar Bank Rakyat,  
No. 33, Jalan Rakyat, KL Sentral,  
50470 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan.

Telefon : 03-22766756

**Beroperasi : 4 Januari 2016**

## **PERHOTELAN | RUMAH REHAT**

### **SEKATA APARTMENT**

Jalan ODP 2, Orchid Deluxe Park,  
39200 Ringlet, Cameron Highlands,  
Pahang Darul Makmur

Telefon : 05-4956119

**Beroperasi : 16 Ogos 2017**

## **BILIK PERSIDANGAN | MESYUARAT | DEWAN TERBUKA**

### **SEKATA MAKMUR**

#### **ORCHID DELUXE PARK**

9-G, Jalan ODP 12, Orchid Deluxe Park,  
39200 Ringlet, Cameron Highlands,  
Pahang Darul Makmur.

Telefon : 05-4851003 | 05-4851813

**Beroperasi : 1 Februari 2022**

# PIMPINAN SEKATARAKYAT



1. **DATUK MOHAMED ARSAD SEHAN**

- Pengerusi
- Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Risiko

2. **PUAN HAJAH HASRUL LIZA SHAH RUDIN**

- Setiausaha Kehormat
- Pengerusi Jawatankuasa Disiplin
- Pengerusi Jawatankuasa Pencalonan

3. **DATO' MUSTAFHA ABD RAZAK**

- Bendahari Kehormat
- Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan
- Pengerusi Jawatankuasa Imbuhan

4. **TUAN HAJI MOHD SALLEH MAHMOOD**

- Anggota Lembaga Pengarah
- Anggota Jawatankuasa Pengurusan Risiko
- Anggota Jawatankuasa Disiplin

5. **TUAN HAJI SALIMAN ZAINAL**

- Anggota Lembaga Pengarah
- Anggota Jawatankuasa Pengurusan Risiko
- Anggota Jawatankuasa Disiplin

6. **TUAN HAJI MOHAMAD SABRI MOHAMED NOR**

- Anggota Lembaga Pengarah
- Anggota Jawatankuasa Pengurusan Risiko
- Anggota Jawatankuasa Pencalonan

7. **TUAN HAJI MOHD KHUZAINI AB GHANI**

- Anggota Lembaga Pengarah
- Anggota Jawatankuasa Pelaburan
- Anggota Jawatankuasa Imbuhan

8. **ENCIK ZAKARIA ABDUL MAJID**

- Anggota Lembaga Pengarah
- Anggota Jawatankuasa Pelaburan
- Anggota Jawatankuasa Imbuhan
- Anggota Jawatankuasa Pencalonan

9. **ENCIK SUHAIMI CHE OMAR**

- Anggota Lembaga Pengarah
- Anggota Jawatankuasa Imbuhan
- Anggota Jawatankuasa Pencalonan



2025

UNIVERSITY OF  
MALAYA



# ANUGERAH & PENCAPAIAN



## KOPERASI TERBAIK WILAYAH PERSEKUTUAN 2025 (KEDUDUKAN KELIMA)

8 JANUARI 2026

Anjuran: Suruhanjaya Koperasi Malaysia Wilayah Persekutuan (SKM WP)

## ANUGERAH AR-RAHNU X'CHANGE (MAARX) 2024



### KATEGORI ULTRA 1. EMAS - ARX SEREMBAN 2

30 OGOS 2025

Anjuran: Rakyat Management Services Sdn. Bhd.

### KATEGORI ULTRA 2. PERAK - ARX AMPANG TRIANGLE

30 OGOS 2025

Anjuran: Rakyat Management Services Sdn. Bhd.



## 100 KOPERASI TERBAIK MALAYSIA 2024 (KEDUDUKAN KETUJUH)

27 JULAI 2025

Anjuran: Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)



### KATEGORI ULTRA 3. GANGSA - ARX JALAN OTHMAN

30 OGOS 2025

Anjuran: Rakyat Management Services Sdn. Bhd.

## ANUGERAH PENGHARGAAN RAKAN PERNIAGAAN

15 OGOS 2025

Anjuran: PTT Synergy Group Berhad

# INFO RINGKAS 2025



**JUMLAH KAKITANGAN**  
173 ORANG



**MODAL YURAN**  
RM270JUTA



**KEANGGOTAAN**  
6672 ORANG



**MODAL SYER**  
RM1.32JUTA



**ASET**  
RM2.26BILION



**KEUNTUNGAN**  
RM37.7JUTA



**AR-RAHNU**  
17 CAWANGAN



**13.5%**  
**DIVIDEN**  
13.5% (RM35.4JUTA)

# SOROTAN 2025



## 1 JANUARI | SAMBUTAN TAHUN BARU 2025 |

Majlis pertunjukan bunga api Sempena Penutup Jubli Emas dan Sambutan Tahun Baru 2025



## 15 JANUARI | MAJLIS BACAAN YASIN & TAHLIL BULANAN |

Diadakan di Surau Al-Barakah, Menara Kembar Bank Rakyat



## 21 JANUARI | TAKLIMAT POLISI PERCANGGAHAN KEPENTINGAN |

Diadakan di Bilik Mesyuarat Sekatarakyat

# SOROTAN 2025



**19 FEBRUARI** | MAJLIS BACAAN YASIN & TAHLIL BULANAN |  
Diadakan di Surau Al-Barakah, Menara Kembar Bank Rakyat



**22 FEBRUARI** | MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN KE-29 |  
Diadakan di Balai Tan Sri Sheikh Ahmad, Menara Kembar Bank Rakyat



**25 FEBRUARI** | ANUGERAH ANGGOTA LEMBAGA PENGARAH  
DAN MANTAN ANGGOTA LEMBAGA PENGARAH SEKATARAKYAT |  
Diadakan di Tingkat 5, Menara 2, Menara Kembar Bank Rakyat

# SOROTAN 2025



**6 MAC** | SUMBANGAN KURMA  
SEMPENA BULAN PUASA |  
Diagihkan kepada pelanggan



**19 MAC** | MAJLIS BACAAN YASIN  
& TAHLIL BULANAN | Diadakan di Surau  
Al-Barakah, Menara Kembar Bank Rakyat



**APRIL HINGGA NOVEMBER** | 'BUSINESS COMMUNICATION CLASS' |  
Bertujuan untuk mencapai objektif perniagaan secara berkesan dan  
professional yang diadakan di Bilik Kursus Seketarakyat



**16 APRIL** | MAJLIS BACAAN YASIN & TAHLIL BULANAN |  
Diadakan di Surau Al-Barakah, Menara Kembar Bank Rakyat

# SOROTAN 2025



**17 APRIL** | MAJLIS HARI RAYA AIDILFITRI | Diadakan di Wisma Sekatarakyat, Kelana Jaya bagi mengeratkan silaturahim dengan anggota-anggota, bank pembiaya, rakan usaha sama dan pembekal




**11-12 MEI** | PRORAM TEAM BUILDING WARGA KERJA | Di Sekata Makmur, Ringlet, Cameron Highlands dengan kehadiran 169 warga kerja



**17 MEI** | MAJLIS PERJUMPAAN ANGGOTA BERSARA SEKATARAKYAT | Diadakan di Balai Tan Sri Sheikh Ahmad, Menara Kembar Bank Rakyat

# SOROTAN 2025



**21 MEI** | MAJLIS BACAAN YASIN & TAHLIL BULANAN |  
Diadakan di Surau Al-Barakah, Menara Kembar Bank Rakyat



**24 MEI** | MAJLIS INOVASI WARGA KERJA |  
Penyampaian hadiah inovasi warga kerja yang dihasilkan pada tahun 2024.  
Diadakan di Ruang Legar Lobi, Menara 1, Menara Kembar Bank Rakyat



**18 JUN** | MAJLIS BACAAN YASIN & TAHLIL BULANAN |  
Diadakan di Surau Al-Barakah, Menara Kembar Bank Rakyat

# SOROTAN 2025



## 26 JUN & 6 OGOS | KURSUS 'DEFENSIVE MOTORBIKE RIDING |

Bertujuan untuk melatih penunggang motosikal agar menunggang dengan lebih selamat dan berwaspada. Diadakan di The ISO Group, Shah Alam



## 16 JULAI | MAJLIS BACAAN YASIN & TAHLIL BULANAN |

Diadakan di Surau Al-Barakah, Menara Kembar Bank Rakyat



## 9 OGOS | PENANAMAN 10 BATANG POKOK |

Tanaman 10 batang pokok di Laman Putra 5, Jalan Alamanda, Putrajaya

# SOROTAN 2025



**14 OGOS | MESYUARAT AGUNG KAWASAN |**  
Diadakan di Balai Tan Sri Sheikh Ahmad, Menara Kembar Bank Rakyat



**20 OGOS | MAJLIS BACAAN YASIN & TAHLIL BULANAN |**  
Diadakan di Surau Al-Barakah, Menara Kembar Bank Rakyat



**31 OGOS & 1 SEPTEMBER | HARI KELUARGA |**  
Diadakan di Monkey Canopy Resort, Sungai Long, Cheras, Selangor

# SOROTAN 2025



**17 SEPTEMBER** | MAJLIS BACAAN YASIN & TAHLIL BULANAN |  
Diadakan di Surau Al-Barakah, Menara Kembar Bank Rakyat



**23 SEPTEMBER** | SAMBUTAN HARI JADI SEKATARAKYAT |  
Sempena 51 tahun Sekatarakyat. Diadakan di Auditorium Bank Rakyat, Menara 1, Menara Kembar Bank Rakyat



**4 OKTOBER** | ACARA MENCARI HARTA KARUN SEKATARAKYAT |  
Diadakan di Zenith Hotel, Kuantan, Pahang

# SOROTAN 2025



**22 OKTOBER** | MAJLIS BACAAN YASIN & TAHLIL BULANAN |  
Diadakan di Surau Al-Barakah, Menara Kembar Bank Rakyat



**29 OKTOBER** | MAJLIS PERSARAAN PENGURUS BESAR |  
Diadakan di Seri Pacific Hotel, Kuala Lumpur



**30 OKTOBER** | MAJLIS PENYERAHAN ZAKAT ASNAF FISABILILLAH |  
Diadakan di Seri Pacific Hotel, Kuala Lumpur

# SOROTAN 2025



**19 NOVEMBER** | MAJLIS BACAAN YASIN & TAHLIL BULANAN |  
Diadakan di Surau Al-Barakah, Menara Kembar Bank Rakyat



**20 NOVEMBER** | MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN PROGRAM  
SUKUK SEKATARAKYAT | Diadakan di Le Meridien, Putrajaya, Selangor



**28-30 NOVEMBER** | SESI PERCAMBAHAN MINDA |  
Diadakan di Sekata Makmur, Ringlet, Cameron Highlands, Pahang

# SOROTAN 2025



**6 DISEMBER** | MAJLIS MAKAN MALAM |  
Majlis makan malam warga kerja Sekatarakyat Di Hotel Hilton, Kuala Lumpur



**19 DISEMBER** | MAJLIS BACAAN YASIN & TAHLIL BULANAN |  
Diadakan di Surau Al-Barakah, Menara Kembar Bank Rakyat



**31 DISEMBER** | SAMBUTAN TAHUN BARU 2026 |  
Diadakan di Sekata Makmur, Ringlet, Cameron Highlands

# PROGRAM & MAJLIS 2025

## SAMBUTAN TAHUN BARU 2025

1 JANUARI 2025 | Sekata Makmur, Ringlet, Cameron Highlands, Pahang



# PROGRAM & MAJLIS 2025

## TAHLIL BULANAN

Surau Al Barakah, Menara Kembar Bank Rakyat



# PROGRAM & MAJLIS 2025

## MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN SEKATARAKYAT KE-29

22 FEBRUARI 2025 | Balai Tan Sri Sheikh Ahmad, Menara Kembar Bank Rakyat |  
Dirasmikan oleh Datuk Mohd Irwan Mohd Mubarak, Pengerusi Bank Rakyat



# PROGRAM & MAJLIS 2025

## MAJLIS JAMUAN HARI RAYA AIDILFITRI SEKATARAKYAT

17 APRIL 2025 | Wisma Sekatarakyat



# PROGRAM & MAJLIS 2025

## ACARA TEAM BUILDING WARGA KERJA

11-12 MEI 2025 | Sekata Makmur, Ringlet, Cameron Highlands, Pahang



**LIVE SCOREBOARD**  
*Team Building Sekatarakyat... 2025*

KUMP	CABARAN 1 HOLA HOLA	CABARAN 2 DUPLET SHUFFLING	CABARAN 3 SIAPA PUNCA?	CABARAN 4 SOSOKSAYA HONEY	CABARAN 5 BALL PICK	CABARAN 6 HOLA HOLA RACE	CABARAN 7 BERSAMA SAMA	CABARAN 8 SIAPA LEHAT	GRAND FINALE CONQUERER	HARAPAN TERBUKA	KEDUDUKAN TERBUKA
1	5,000	8,000	8,000	7,000	5,000	26,000	2,000	1,500	3,000	63,500	1
2	6,000	4,000	1,000	1,000	1,000	27,000	4,000	2,000	3,000	48,000	6
3	8,000	4,000	2,000	5,000	4,000	22,000	2,000	10,000	3,000	60,000	2
4	4,000	4,000	9,000	4,000	8,000	15,000		500	3,000	41,500	8
5	4,000	5,000	5,000	6,000	3,000	25,000	4,000	3,000	1,000	59,000	5
6	4,000	4,000	4,000	8,000	6,000	20,000		1,000	1,000	52,000	5

# PROGRAM & MAJLIS 2025

## MAJLIS PERJUMPAAN ANGGOTA BERSARA SEKATARAKYAT

17 MEI 2025 | Balai Tan Sri Sheikh Ahmad, Menara Kembar Bank Rakyat



# PROGRAM & MAJLIS 2025

## MAJLIS ANUGERAH INOVASI WARGA KERJA SEKATARAKYAT 2024

24 MEI 2025 | Ruang Legar Lobi, Menara 1, Menara Kembar Bank Rakyat



## MAJLIS ANUGERAH INOVASI WARGA KERJA SEKATARAKYAT 2025

6 DISEMBER 2025 | Hilton Kuala Lumpur



# PROGRAM & MAJLIS 2025

## PROGRAM PENANAMAN POKOK

9 OGOS 2025 | Laman Putra 5, Putrajaya



# PROGRAM & MAJLIS 2025

## HARI KELUARGA SEKATARAKYAT

31 OGOS – 1 SEPTEMBER 2025 | Monkey Canopy Resorts, Kuala Lumpur



# PROGRAM & MAJLIS 2025

## ACARA Mencari Harta Karun (TREASURE HUNT) ANTARA KOPERASI

4 OKTOBER 2025 | Acara dari Menara Kembar Bank Rakyat, Kuala Lumpur dan Tamat di Zenith Hotel Kuantan, Pahang



# PROGRAM & MAJLIS 2025

## MAJLIS MERAIKAN PERSARAAN PENGURUS BESAR

29 OKTOBER 2025 | Seri Pacific Hotel, Kuala Lumpur



# PROGRAM & MAJLIS 2025

## MAJLIS PENYERAHAN ZAKAT KEPADA KOMUNITI TUKANG JAHIT

30 OKTOBER 2025 | Seri Pacific Hotel, Kuala Lumpur



# PROGRAM & MAJLIS 2025

## MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN PROGRAM SUKUK SEKATARAKYAT

20 NOVEMBER 2025 | Le Meridean Putrajaya, Kuala Lumpur

### MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN PROGRAM SUKUK SEKATARAKYAT



# PROGRAM & MAJLIS 2025

## SESI PERCAMBAHAN MINDA

28-30 NOVEMBER 2025 | Sekata Makmur, Ringlet, Cameron Highlands, Pahang



- Coop Thailand
- Projek Antara Gapi
- Trading Getah
- Sekata E-Logistik



# PROGRAM & MAJLIS 2025

## MAJLIS MAKAN MALAM 6 DISEMBER 2025 | Hilton, Kuala Lumpur



# AKTIVITI HARIAN UNIT-UNIT 2025



Lawatan Central Kitchen Kopetro di Sri Kembangan oleh Unit Kafeteria



Pelanggan sedang menunggu giliran di Ar-Rahnu Puncak Alam



Sambutan Tahun Baru Cina Anjuran PTT Synergy Group



Mesyuarat Bulanan Anggota Lembaga Pengarah



Perbincangan Tawaran Sukuk Bersama Bank Muamalat oleh Pengurusan dan Unit Akaun




Pemberian sumbangan ke Rumah Anak Yatim oleh Ar-Rahnu Sri Rampai

# AKTIVITI HARIAN UNIT-UNIT 2025



Latihan Kebakaran di Taska Nuri



Penyediaan makanan di Kenny Rogers Roasters



Urusan gadaian dengan pelanggan  
di Ar-Rahnu Kota Kemuning



Kursus 'Microsoft 365' dihadiri  
pihak Pengurusan



Sesi Lawatan Tapak PTT Logistic Hub 1 -i10,  
Elmina oleh Unit Perniagaan



Majlis Doa Selamat dan Upacara Mula  
Kerja PTT Logistics Hub 2 anjuran  
PTT Synergy Group Berhad


# AKTIVITI HARIAN UNIT-UNIT 2025



Majlis Sambutan Ulang Tahun ke-25 PTT Synergy Group Berhad dihadiri pihak Pengurusan




Unit Sekata Makmur mengadakan Kunjungan Hormat ke Majlis Daerah Cameron Highlands



Urusan gadaian dan sumbangan kurma sempena bulan puasa di Ar-Rahnu Taman Selasih



Unit Sekata Makmur mengadakan Kunjungan Hormat ke Pejabat Tanah dan Daerah Cameron Highlands



Menyediakan borang untuk pelanggan di Ar-Rahnu Pasar Borong



Teller menyediakan dokumen kepada pelanggan di Ar-Rahnu Sri Muda

# AKTIVITI HARIAN UNIT-UNIT 2025




Unit Perniagaan mengadakan Lawatan Tapak Projek Sekata Mawar, Mantin



Kursus 'Business Communication Class'




Membuat penilaian emas di Ar-Rahnu Dataran Otomobil



Pembersihan kolam di Sekata Makmur



Pembelian Wafer Emas di Ibu Pejabat melibatkan unit Ar-Rahnu



Unit Akaun menjalankan kerja-kerja pengagihan pembayaran


# AKTIVITI HARIAN UNIT-UNIT 2025



Unit Kredit membantu anggota bagi permohonan pembiayaan



Urusan daftar masuk ke Sekata Apartment



Teller membuat pemeriksaan emas di Ar-Rahnu Port Klang



Sambutan Kemerdekaan bersama kanak-kanak di Taska



Unit Kafeteria mengadakan jualan cookies di Mesyuarat Agung Perwakilan



Urusan pembelian Gold bar di Ar-Rahnu Jalan Othman

# AKTIVITI HARIAN UNIT-UNIT 2025




Pihak pengurusan membuat lawatan tapak ke Kilang Alton, Pontian



Kunjungan Hormat ke Perbadanan Kemajuan Cameron Highlands anjuran unit Sekata Makmur



Urusan penilaian emas di Ar-Rahnu Bandar Melawati



Membuat ujian emas menggunakan Asid di Ar-Rahnu Bandar Kinrara




Perjumpaan Profil 100 Koperasi Terbaik dihadiri pihak Pengurusan



Tebusan barang pelanggan dalam bilik kebal di Ar-Rahnu Mantin

# AKTIVITI HARIAN UNIT-UNIT 2025



Membuat ujian emas menggunakan Densimeter di Ar-Rahnu Hulu Langat



Hari bersama pelanggan di Ar-Rahnu Dengkil




Unit Pentadbiran mengadakan kursus induksi bagi warga kerja baharu



Perbincangan Sukuk dengan Bank Islam bersama Pengurusan



Membuat pembersihan di Kenny Rogers Roasters



Pelanggan menandatangani bagi urusan gadaian di Ar-Rahnu Seremban 2

# LAPORAN LEMBAGA PENGARAH 2025

## LEMBAR SEJARAH

PERJALANAN dunia koperasi di tanah air telah bermula sejak mula diperkenalkan pada tahun 1907 oleh Sir Arthur Young di Negeri-Negeri Tanah Melayu. Namun begitu, institusi koperasi ini mula berkembang sejak tahun 1922 dan terus bercambah dalam dekad 70-an. Tanggal 23 September 1974, adalah tarikh bersejarah dalam sektor koperasi tanah air apabila Syarikat Kerjasama Kakitangan Bank Rakyat Berhad atau nama singkatannya Sekatarakyat telah ditubuhkan dan memulakan operasinya sejajar dengan Seksyen 7 Ordinan Syarikat-Syarikat Kerjasama 1948. Namun, pada tanggal 30 Jun 1997, nama Syarikat Kerjasama Kakitangan Bank Rakyat Berhad telah ditukar kepada Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad selaras dengan subseksyen 18(3) Akta Koperasi 1993.

Pada peringkat awal penubuhan, Sekatarakyat beroperasi di Bangunan Bank Rakyat di Jalan Tangsi, Kuala Lumpur. Di lokasi pertama ini, pengoperasian dijalankan hanya dengan penglibatan seramai tiga (3) orang warga kerja sahaja. Namun begitu, kegiatan urus niaga yang dijalankan beroperasi dengan baik dan terus berkembang dari masa ke masa seiring dengan perubahan zaman. Kini, setakat 31 Disember 2024, Sekatarakyat dioperasikan seramai 166 orang warga kerja yang diketuai oleh seorang Pengurus Besar dan seorang Pengurus. Sekatarakyat menyusun operasinya dengan tersusun dan Ibu Pejabat beroperasi dalam persekitaran serba moden di Tingkat 2A, Menara 2, Menara Berkembar Bank Rakyat, No. 33, Jalan Rakyat, KL Sentral, 50470 Kuala Lumpur.

Bermatlamatkan untuk meningkatkan kepentingan ekonomi anggotanya mengikut Prinsip Koperasi dengan fungsi Sekatarakyat adalah 'kredit', koperasi ini meletakkan matlamatnya untuk terus berdaya saing bagi memenuhi kehendak dan menggapai manfaat kepada anggotanya. Penubuhan Sekatarakyat relevan dengan usaha kerajaan bagi merakyatkan ekonomi dan menyumbang kepada pertumbuhan sektor ekonomi negara.

Pada peringkat awal, Sekatarakyat hanya menjalankan aktiviti utama perniagaan dengan memberikan kemudahan pinjaman/pembiayaan kepada anggota. Perlahan-lahan, konsep pinjaman secara konvensional yang mendasari sistem perniagaan ketika itu, telah ditukarkan kepada pembiayaan berkonsepkan Syariah. Penggunaan sistem komputer bersepadu bagi menjalankan tugas-tugas operasi harian juga dilaksanakan bagi mempermudah capaian dan keberkesanan dalam memberikan perkhidmatan kepada pelanggan.

Usaha untuk memperkembangkan lagi cabang perniagaan dipergiat dan diperluaskan dari tahun ke tahun. Daripada hanya menjalankan perkhidmatan pinjaman/pembiayaan, Sekatarakyat menjadi ejen insurans/takaful kepada syarikat-syarikat takaful dan mengendalikan takaful kepada peminjam-peminjam Bank Rakyat sejak awal 90-an sehingga tahun 2000.

# LAPORAN LEMBAGA PENGARAH 2025

## KELEBIHAN MENJADI ANGGOTA SEKATARAKYAT

Berikut adalah kelebihan menjadi Anggota Sekatarakyat:

### 1. KEMUDAHAN KREDIT/PEMBIAYAAN

- Aktiviti pembiayaan merupakan perniagaan utama Sekatarakyat yang memberi manfaat kepada anggota, termasuk pesara dan anggota yang masih berkhidmat.
- Perniagaan ini dijalankan bagi memudahkan anggota memperoleh kemudahan tunai dengan segera untuk keperluan peribadi, pembiayaan atas saham, pembelian kenderaan, takaful dan lain-lain.
- Kadar keuntungan yang dikenakan adalah berpatutan dan tidak membebankan anggota.
- Anggota boleh memohon jumlah pembiayaan sehingga RM 150,000.00 dalam tempoh masa sehingga 10 tahun pada kadar pembiayaan yang berpatutan.
- Tiada syarat penjamin dikenakan dan anggota boleh memilih untuk pembiayaan dengan takaful.
- Kemudahan pembiayaan ini turut membantu anggota menyatukan komitmen kewangan sedia ada melalui pembiayaan bertindih dan pembiayaan baharu.
- Sehubungan itu, pelbagai produk pembiayaan telah diperkenalkan seperti butiran yang berikut:

NAMA PRODUK-PRODUK PEMBIAYAAN		
Peribadi	Naik Sekolah	Umrah/Pelancongan
Peribadi Akaun 2	Motorsikal	Barangan
Peribadi Akaun 3	Kereta	Deposit Hartanah
Atas Saham	Skim Belian Plus	Saham Bank Rakyat
Kecemasan	Raya	Takaful

\*Kemudahan ini boleh dimohon mengikut syarat/terma yang telah ditetapkan

### 2. SUMBANGAN TABUNG KHAIRAT KEMATIAN DAN BENCANA/KEBAJIKAN

- Seseorang anggota, layak menerima Sumbangan Tabung Khairat Kematian dan Bencana seperti butiran yang berikut :-
  - **TABUNG KHAIRAT KEMATIAN**

BIL	BUTIRAN BENCANA	NILAI SUMBANGAN (RM)
1	Anggota	1,000.00
2	Ibu Bapa Kandung / Pasangan / Anak	500.00
3	Ibu Bapa Mertua	300.00

# LAPORAN LEMBAGA PENGARAH 2025

- **TABUNG BENCANA/KEBAJIKAN**

BIL	BUTIRAN BENCANA / KEBAJIKAN	NILAI SUMBANGAN (RM)
1	Kebakaran rumah yang didiami (total loss)	1,000.00
2	Rumah yang didiami dilanda banjir (total loss)	1,000.00
3	Rumah yang didiami musnah kerana tanah runtuh (total loss)	1,000.00
4	Bagi lain-lain bencana yang tidak dikategorikan dalam 1-3	100.00
5.	Sumbangan Hari Raya	Bergantung kepada kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah berdasarkan kemampuan Koperasi

\*Sumbangan ini boleh dimohon mengikut syarat/terma yang ditetapkan

### 3. TABUNG SAGU HATI PENDIDIKAN LANJUTAN SEKATARAKYAT

- Anggota juga layak menerima Sagu hati Pendidikan Lanjutan Sekatarakyat (SPLS) sebanyak RM500.00 sekiranya setiap anak berjaya melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) atau Swasta (IPTS/IPTS) sekali bagi seorang.
- Sagu hati ini boleh dimohon mengikut syarat/terma yang ditetapkan.

### 4. DIVIDEN ATAS YURAN DAN SYER

- Dengan prestasi yang memberangsangkan dari tahun ke tahun, hasil daripada aktiviti-aktiviti yang dijalankan, Sekatarakyat mampu memberi pulangan dalam bentuk dividen atas yuran dan saham yang terbaik dari tahun ke tahun.
- Yuran yang ditetapkan adalah sebanyak minimum RM30.00 sebulan.
- Setiap anggota perlu menjelaskan bayaran syer sebanyak RM200.00 dan memperolehi segala hak, kewajipan dan liabiliti seperti yang dinyatakan dalam UUK 16.
- Pengagihan ini mengikut syarat/terma yang ditetapkan.

### 5. IBRA' ATAS PEMBIAYAAN

- Pada tahun 2014, rebat mula diperkenalkan dengan mengambil kira baki pembiayaan anggota sehingga 31 Disember 2013.
- Walau bagaimanapun, nama rebat telah ditukarkan kepada Pembayaran Atas Pembiayaan Segera (PAPS) pada tahun 2015 sehingga tahun 2019.
- Pada tahun 2020 pula, Sekatarakyat telah membuat penukaran nama baharu yang dikenali sebagai Ibra'.
- Kadar yang diberikan adalah berdasarkan atas baki awal pembiayaan anggota.
- Istilah Ibra' merujuk kepada rebat yang diberikan oleh sesuatu pihak secara sukarela atau berdasarkan budi bicara kepada pihak lain dalam sebarang urusan muamalat seperti jual beli.
- Pemberian Ibra' kepada anggota yang mempunyai pembiayaan di Sekatarakyat adalah sebagai tanda menghargai anggota yang menggunakan perkhidmatan pembiayaan yang ditawarkan secara berterusan dan secara tidak langsung menyumbang kepada keuntungan Sekatarakyat.
- Pelaksanaan pemberian Ibra' atas pembiayaan adalah sebagai hadiah atau penghargaan kepada anggota yang melanggan produk pembiayaan di Sekatarakyat.
- Pemberian Ibra' ini juga merupakan sebahagian daripada tanggungjawab sosial Sekatarakyat kepada para anggota yang telah turut sama menyumbang dalam menjana keuntungan Sekatarakyat.

# LAPORAN LEMBAGA PENGARAH 2025

- Dengan adanya peningkatan keuntungan terkumpul, peruntukan cukai juga bertambah. Oleh itu, pemberian Ibra' ini dapat mengurangkan bayaran cukai dan dalam masa yang sama, peruntukan tersebut diagihkan kepada anggota yang layak.
- Pemberian Ibra' ini akan dilihat sebagai satu keistimewaan menjadi anggota Sekatarakyat dan secara tidak langsung akan menarik minat kakitangan Bank Rakyat serta subsidiarinya untuk menjadi sebahagian daripada anggota Sekatarakyat.
- Pemberian Ibra' juga dapat membantu anggota membuat persediaan perbelanjaan bagi mereka yang masih mempunyai anak di bangku sekolah untuk menghadapi sesi persekolahan yang baharu.
- Pemberian ini mengikut syarat/terma yang ditetapkan.
- Pada tahun 2025, kadar pemberian Ibra' adalah sebanyak 1 %.

## 6. KEUNTUNGAN MELALUI SKIM SIMPANAN AM SEKATARAKYAT

- Selain daripada Syer dan Yuran, Sekatarakyat turut memperkenalkan produk simpanan yang dikenali sebagai Skim Simpanan Am Sekatarakyat (SSAS) – Dalam erti kata lain, skim ini merupakan “fixed deposit” seperti yang diamalkan oleh sektor perbankan.
- Skim ini telah diperkenalkan pada tahun 2016.
- Tujuan pelaksanaannya adalah untuk menggalakkan simpanan yang akan memberi pulangan tambahan kepada anggota.
- Jumlah minimum simpanan adalah sebanyak RM1,000.00 dengan tempoh simpanan selama 12 bulan.
- Kadar keuntungan telah dinaikkan kepada 7% bermula 1 Disember 2023 bersempena sambutan jubli emas khususnya untuk memberi anggota peluang untuk membuat simpanan selain dari tabung yuran, tabung ini telah mencapai had maksima RM50juta pada 18 Jun 2024.

## 7. DISKAUN LANGGANAN MEMPERBAHARUI TAKAFUL KENDERAAN SEBANYAK 5%

- Aktiviti lain yang dijalankan oleh Sekatarakyat adalah perkhidmatan Takaful. Sekatarakyat merupakan salah satu agen produk-produk dari Takaful Ikhlas dan Etiqa.
- Anggota akan menikmati diskaun 5% dengan melanggan perkhidmatan memperbaharui takaful kenderaan di Sekatarakyat.
- Diskaun 5% tersebut ditanggung sepenuhnya oleh Sekatarakyat.

## 8. DISKAUN LANGGANAN PENGINAPAN DI SEKATA APARTMENT DAN MENIKMATI KEMUDAHAN DI SEKATA MAKMUR (KOLAM RENANG)

- Sekatarakyat telah menceburi aktiviti baharu dalam bidang perhotelan dengan memperkenalkan perkhidmatan rumah rehat di Orchid Deluxe Park, Ringlet, Cameron Highlands, Pahang yang diberi nama Sekata Apartment
- Sekata Apartment ini telah dirasmikan YB Dato' Sri Haji Mohd. Sharkar Haji Shamsudin, Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan & Kebudayaan Negeri Pahang pada 16 Ogos 2017.
- Sekatarakyat telah membeli 32 unit apartment (Tingkat 4 & 5) untuk disewakan semula dan dijadikan rumah rehat kepada anggota dan pelanggan-pelanggan luar.
- Kos pembelian 32 unit apartment ini berjumlah RM8 juta.
- Sekata Apartment diubahsuai kepada 2 rekabentuk iaitu *Premium & Standard* :-
  - a. 12 unit *premium*
  - b. 20 unit *standard*
- Bank Rakyat telah bersetuju menyewa 5 unit (1 unit *premium* & 4 unit *standard*) untuk dijadikan rumah rehat bagi warga kerja Bank Rakyat yang ingin bercuti di Cameron Highlands.

# LAPORAN LEMBAGA PENGARAH 2025

- Perbezaan antara Premium & Standard :-
  - *Interior design* berlainan
  - *Premium* di "End Lot"
  - *Standard* "Intermediate"
 (\*\*Keluasan *Premium & Standard* adalah 1,026 kaki persegi)
- Tujuan pembukaan Sekata Apartment adalah untuk mempelbagaikan aktiviti khususnya dalam sektor pelancongan bagi meningkatkan pendapatan koperasi untuk kepentingan anggota.
- Selain itu, dengan adanya Sekata Apartment ini, Sekatarakyat mampu menyumbang kepada peningkatan jumlah pelancong untuk datang ke Cameron Highlands. Secara tidak langsung, kewujudan apartment ini dapat membantu meningkatkan sumber pendapatan masyarakat dalam daerah Cameron Highlands.
- Anggota atau pelanggan luar yang menginap di Sekata Apartment juga turut menikmati kemudahan lain yang disediakan di Sekata Makmur, antaranya boleh menggunakan kolam renang secara percuma di samping mendapat tawaran harga yang istimewa bagi menu yang ditawarkan di Kenny Rogers Roasters.






## PRESTASI KEWANGAN SEKATARAKYAT

PRESTASI kewangan secara keseluruhan pada tahun 2025 menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan berbanding tahun sebelumnya. Berdasarkan laporan kewangan berakhir 31 Disember 2025, Keuntungan Bersih sebelum cukai yang dicatatkan adalah sebanyak RM45.85juta, meningkat sebanyak 14% berbanding keuntungan yang diperolehi sebanyak RM40.33juta untuk tahun 2024.

Perbelanjaan Am yang merangkumi perbelanjaan kendalian, kos gaji & perbelanjaan kakitangan meningkat sebanyak 19% daripada RM36.16juta pada tahun 2024 kepada RM30.50 juta pada tahun 2024.

Dari segi keuntungan kasar, terdapat peningkatan sebanyak 16% iaitu RM70.82juta pada tahun 2025 kepada RM82.01juta bagi tahun 2024. Peningkatan ini selaras dengan peningkatan pendapatan sebanyak 36% iaitu RM133.47juta pada tahun 2024 kepada RM180.87juta bagi tahun 2025.

Jadual di bawah menunjukkan ringkasan pencapaian koperasi bagi tahun kewangan 2025 berbanding tahun 2024 seperti yang berikut :



# LAPORAN LEMBAGA PENGARAH 2025

## PRESTASI DIVIDEN SEKATARAKYAT

TAHUN 2025 menyaksikan agihan keuntungan kepada anggota dalam bentuk dividen meningkat sebanyak 8% berbanding tahun sebelumnya, iaitu pada kadar 13.5% yang berjumlah RM35.40juta berbanding Rm32.91juta pada tahun 2024.

Agihan dividen dibuat berdasarkan prestasi keuntungan semasa koperasi selepas pembahagian berkanun dan peruntukan cukai & zakat yang berjumlah RM37.73juta bagi tahun kewangan 2025 berbanding RM34.78juta bagi tahun 2024 seperti di jadual yang berikut:

TAHUN	KEUNTUNGAN SELEPAS PEMBAHAGIAN BERKANUN	KADAR DIVIDEN	JUMLAH
	RM 'JUTA	%	RM'JUTA
2024	37.73	13.5	35.49
2024	34.78	13.5	32.91

## KEANGGOTAAN

JUMLAH bilangan anggota bertambah bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025 iaitu seramai 6,672 orang berbanding 6,340 orang anggota pada tahun 2024. Modal Syer koperasi juga meningkat sebanyak 0.05% dari RM1.25juta tahun 2024 kepada RM1.32juta tahun 2025. Ini jelas menunjukkan sokongan dan kepercayaan yang berterusan diterima daripada semua anggota koperasi secara khususnya. Pertumbuhan bilangan anggota yang semakin berkembang ini sejajar dengan perkembangan bilangan warga kerja Bank Rakyat, Subsidiari Bank Rakyat dan Sekatarakyat sendiri.

PERKARA	2024	2023	MENINGKAT (MENURUN)	MENINGKAT (MENURUN)
	RM 'JUTA	RM 'JUTA	RM 'JUTA	%
Modal Syer	1.32	1.25	0.07	0.05
Modal Yuran	270	251	19	0.07

## ASET

JUMLAH keseluruhan aset koperasi merekodkan kenaikan sebanyak 2.42% iaitu daripada RM1,595.7billion bagi tahun kewangan pada 2024 kepada RM2,269.0billion pada tahun 2025 yang meliputi Aset Semasa dan Aset Bukan Semasa termasuk Hartanah, Loji dan Peralatan. sehingga tahun 2024, aset tak alih milik Sekatarakyat terdiri daripada :

- Wisma Sekatarakyat di Kelana Jaya,
- Bangunan pejabat di Bandar Melawati,
- Lot banglo Sekata Vista di Dengkil,
- Rumah Kedai Space U8 di Bukit Jelutong, Shah Alam,
- Bangunan pejabat di Jalan Kg. Attap, Kuala Lumpur,
- Sekata Apartment @ The Camelia Orchid Deluxe Park, Cameron Highlands,
- Sekata Makmur @ The Camelia Orchid Deluxe Park, Cameron Highlands dan
- Komersial Vivo 9, Off Jalan Klang Lama, Kuala Lumpur

# LAPORAN LEMBAGA PENGARAH 2025

## TADBIR URUS SEKATARAKYAT

TADBIR urus ialah rangka kerja peraturan, amalan dan proses yang memastikan organisasi dikawal dan diarahkan secara berkesan, selaras dengan objektifnya, sambil menyeimbangkan kepentingan semua pihak dan memupuk budaya akauntabiliti, ketelusan serta amalan beretika.

Dalam konteks koperasi, tadbir urus merujuk kepada hubungan antara anggota selaku pemilik koperasi dengan Anggota Lembaga Pengarah yang bertindak sebagai pentadbir bagi pihak anggota, manakala pengurusan bertanggungjawab melaksanakan operasi harian koperasi. Matlamat utama tadbir urus koperasi adalah untuk memastikan pencapaian objektif dan kelestarian koperasi selaras dengan prinsip serta nilai koperasi.

Perkembangan pesat teknologi maklumat dan komunikasi dalam era transformasi, globalisasi, liberalisasi dan deregulasi telah mewujudkan cabaran baharu kepada koperasi dalam mengekalkan identiti, konsep dan falsafahnya. Justeru, pengamalan tadbir urus yang berkesan menjadi semakin kritikal bagi memastikan koperasi kekal relevan, berdaya saing dan mampan.

Amalan tadbir urus yang berkesan memastikan koperasi diurus secara telus, berhemah dan berintegriti melalui keseimbangan antara aktiviti pengambilan risiko dan kehematan perniagaan. Pendekatan ini bertujuan memaksimumkan pulangan kepada anggota di samping melindungi kepentingan semua pihak berkepentingan, selaras dengan peruntukan GP27: Garis Panduan Tadbir Urus Koperasi yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).

Bagi mencapai sasaran tersebut, pelbagai usaha telah digerakkan bagi memastikan tadbir urus yang dilaksanakan berkesan seperti yang berikut :-

- Penyediaan Laporan Prestasi Bulanan.
- Mesyuarat Portfolio.
- Mesyuarat Bulanan Lembaga Pengarah.
- Latihan/ Kursus/ Seminar/ Program bagi Anggota Lembaga Pengarah & Warga Kerja.
- Lawatan & Semakan Fail Perniagaan/Hartanah.
- Pembangunan Polisi Integriti Sekatarakyat untuk kegunaan pihak-pihak berkepentingan seperti yang berikut:-
  - Anggota-Anggota
  - Anggota Lembaga Pengarah
  - Jawatankuasa Audit Dalaman
  - Jawatankuasa Syariah
  - Jawatankuasa-Jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Lembaga Pengarah
  - Warga Kerja
  - Pihak-Pihak Berkepentingan secara langsung atau tidak langsung dengan Sekatarakyat

Sekatarakyat turut menganggotai Badan Bukan Kerajaan (Non-Government Organisation-NGO) bagi memantapkan tadbir urus koperasi yang baik dan telus seperti yang berikut :-

- Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA)
- *Malaysian Franchise Association* (MFA)
- *Malaysian Employers Federation* (MEF)
- *Transparency International Malaysia* (TI-M)
- *Human Resources Development Fund* (HRDF)
- Persatuan Pajak Gadaai Islam (PEGIM)

# LAPORAN LEMBAGA PENGARAH 2025

## AKTIVITI PERNIAGAAN SEKATARAKYAT

PADA tahun 2025, Sekatarakyat mencatatkan jumlah pendapatan sebanyak RM180.87 juta berbanding RM133.47 juta pada tahun sebelumnya. Peningkatan ini adalah hasil sumbangan daripada aktiviti-aktiviti berikut:

### 1. PERNIAGAAN AR-RAHNU

Aktiviti perniagaan Ar Rahnu merupakan antara inisiatif Sekatarakyat untuk menambahkan pendapatan koperasi. Aktiviti ini merupakan penyumbang utama terbesar kepada pendapatan koperasi dengan jumlah perolehan sebanyak RM101.977juta bagi tahun 2025 berbanding RM55.937Juta pada tahun sebelumnya. Sehingga tahun ini, Sekatarakyat mempunyai 17 cawangan Ar Rahnu X'Change yang bertempat di Wilayah Persekutuan, Selangor dan Negeri Sembilan.

Dijangka pada tahun 2026, 3 cawangan akan dibuka lagi Cawangan Ar Rahnu iaitu dengan pembukaan baru Ar-Rahnu X'Change iaitu:-

- Ar-Rahnu X'Change Bandar Country Home, Rawang, Selangor
- Ar-Rahnu X'Change Bandar Ainsdale, Seremban, Negeri Sembilan
- Ar-Rahnu X'Change Seputeh, Jalan Klang Lama, Kuala Lumpur

Berikut adalah cawangan-cawangan Ar-Rahnu X'Change Sekatarakyat yang sedia ada iaitu :-

NAMA ARX	LOKASI	PEROLEHAN (RM)	GADAIAN SEHINGGA 31/12/2025 (RM)
Ar-Rahnu X'Change Jalan Othman	(Selangor)	7,068,428.96	73,553,774.00
Ar-Rahnu X'Change Sungai Besi	(K.Lumpur)	7,580,514.25	83,667,928.00
Ar-Rahnu X'Change Taman Selaseh	(Selangor)	5,885,801.03	66,989,590.00
Ar-Rahnu X'Change Hulu Langat	(Selangor)	5,375,350.61	55,250,392.00
Ar-Rahnu X'Change Bandar Kinrara	(Selangor)	7,566,192.25	80,133,232.65
Ar-Rahnu X'Change Seremban 2	(N.Sembilan)	8,525,101.68	92,397,860.65
Ar-Rahnu X'Change Kota Kemuning	(Selangor)	6,914,705.61	72,280,953.00
Ar-Rahnu X'Change Dengkil	(Selangor)	7,708,378.93	82,006,158.00
Ar-Rahnu X'Change Port Klang	(Selangor)	5,127,397.47	52,666,420.00
Ar-Rahnu X'Change Ampang Triangle	(Selangor)	7,518,700.82	86,045,727.00
Ar-Rahnu X'Change Pasar Borong	(K.Lumpur)	5,353,235.48	59,059,202.00
Ar-Rahnu X'Change Bandar Melawati	(Selangor)	5,182,780.86	59,698,054.00
Ar-Rahnu X'Change Dataran Otomobil	(Selangor)	4,941,432.73	59,465,508.00
Ar-Rahnu X'Change Sri Rampai	(K.Lumpur)	5,308,588.61	79,745,779.95
Ar-Rahnu X'Change Mantin	(N.Sembilan)	4,660,435.65	62,054,478.05
Ar-Rahnu X'Change Puncak Alam	(Selangor)	3,797,461.43	46,574,684.00
Ar-Rahnu X'Change Sri Muda	(Selangor)	3,463,482.70	48,226,306.00
<b>JUMLAH</b>		<b>101,977,989,07</b>	<b>1,159,816,047.30</b>

# LAPORAN LEMBAGA PENGARAH 2025

Konsep perniagaannya yang berlandaskan syariah telah menarik ramai penggadai untuk menggadai barangan kemas mereka dengan kadar keuntungan serendah 0.60% sebulan berbanding dengan 2% sebulan di pajak gadai konvensional.

ARX Sekatarakyat juga mengadakan promosi-promosi bagi meningkatkan hasil gadaian di setiap cawangan ARX Sekatarakyat, di antaranya gadaian yang melebihi RM10,000 berpeluang menyertai cabutan bertuah yang menawarkan penginapan di Cameron Highlands dan bawcher makanan di Kenny Rogers Roasters, Cameron Highlands. Selain promosi yang dilaksanakan oleh ARX Sekatarakyat, pihak Francaisor iaitu Rakyat Management Service (RMS) turut melaksanakan pelbagai inisiatif promosi bagi meningkatkan hasil jualan di semua Cawangan Ar-Rahnu yang bernaung di bawah jenama Ar-Rahnu X'Change. Pelaksanaan promosi ini merangkumi kempen pemasaran bersepadu, penawaran insentif serta hebahan berterusan melalui pelbagai saluran komunikasi bagi menarik minat pelanggan dan memperkukuh daya saing perkhidmatan Ar-Rahnu di pasaran.

## 2. PEMBIAYAAN KEPADA ANGGOTA

Pembiayaan Anggota merupakan salah satu manfaat utama yang disediakan kepada anggota Sekatarakyat, termasuk anggota yang masih berkhidmat dan juga yang telah bersara. Manfaat ini bertujuan menyediakan kemudahan pembiayaan pada kadar yang berpatutan selaras dengan keperluan semasa. Sehingga kini, terdapat 15 jenis produk pembiayaan anggota ditawarkan, merangkumi pelbagai kemudahan seperti Pembiayaan Naik Sekolah, Pembiayaan Umrah, Pembiayaan Takaful, Pembiayaan Saham, dan sebagainya.

## 3. PENGURUSAN DAN PENYEWAAN BANGUNAN

i. Pendapatan dari penyewaan keseluruhan bangunan bagi tahun 2025 berjumlah RM12.37juta. Bangunan-bangunan itu adalah seperti berikut :-

a) **Bangunan Pejabat di Wisma Sekatarakyat, Kelana Jaya, Selangor**

Wisma Sekatarakyat yang dibeli dengan harga kos berjumlah RM22.6juta mempunyai 9 tingkat beserta 321 petak tempat letak kenderaan.

b) **Bangunan Pejabat di Melawati Square, Bandar Melawati, Kuala Lumpur**

Pembelian bangunan 4 tingkat di Melawati menelan kos sebanyak RM2.9juta dan nilai bagi tahun 2025 telah meningkat menjadikan nilai semasa berjumlah RM5.9juta.

c) **Bangunan Space U8 di Seksyen U8, Bukit Jelutong, Shah Alam, Selangor**

Sekatarakyat memiliki 14 unit rumah kedai di bangunan Space U8. Pembelian unit kedai ini menelan kos sebanyak RM11.2juta dan nilai bagi tahun 2025 telah meningkat menjadikan nilai semasa berjumlah RM11.9juta.

d) **Rumah kedai di Jalan Kg.Attap**

Rumah kedai 4 tingkat di Jalan Kg. Attap yang dibeli pada harga kos sebanyak RM1.27juta telah meningkat menjadikan nilai semasa ialah RM2.7juta pada tahun 2025.

e) **Bangunan VIVO @ 9 Seputeh, Jalan Klang Lama, Kuala Lumpur**

Pada tahun 2022, Sekatarakyat telah menambahkan lagi pegangan aset dengan membeli lot-lot kedai komersial di Vivo @ Seputeh, Off Jalan Klang Lama, Telok Datok, Kuala Lumpur daripada pihak Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB). Bangunan ini dibeli dengan harga RM165juta dan disewakan semula kepada MRCB dengan jaminan sewaan selama 3 tahun. Nilai bagi tahun 2025 telah meningkat menjadikan nilai semasa berjumlah RM168.3juta

ii. **Sekata Panacom Sdn Bhd**

Kerjasama antara Sekatarakyat dengan Syarikat Panacom Sales & Services Sdn. Bhd. masih utuh dan sepanjang tahun 2025, prestasi jualan Sekata Panacom Sdn Bhd mencatatkan jualan sebanyak RM35,607ribu

# LAPORAN LEMBAGA PENGARAH 2025

## 4. PEMBERSIHAN PEJABAT

Aktiviti perkhidmatan pembersihan pejabat dengan usaha sama kontraktor-kontraktor pembersihan terpilih yang melibatkan Menara 2, Menara kembar Bank Rakyat mencatatkan jumlah pendapatan sebanyak RM1.72juta untuk tahun 2025 berbanding RM944ribu tahun sebelumnya

## 5. AIR MINERAL SEKATARAKYAT

Seiring dengan peningkatan permintaan, air mineral berjenama Sekatarakyat telah dipertingkatkan dari segi reka bentuk botol dan ditawarkan dalam pelbagai saiz iaitu 500 ml dan 1.5 L bagi memenuhi keperluan pelanggan. Produk air mineral jenama Sekatarakyat juga dijual di Kafeteria Sekatarakyat Jalan Tangsi, Gerai No 5 dan 6 Medan Selera Menara Kembar Bank Rakyat (MBKR), Kedai Serbaneka Sekatarakyat (MKBR) dan Kedai Serbaneka Jalan Tangsi dan D'Sekata, Lobi 1 (MKBR). Air mineral jenama Sekatarakyat juga digunakan sebagai minuman dalam membekalkan tempahan katering oleh pelanggan.

## 6. SKIM BELIAN PLUS

Pembiayaan Skim Belian Plus ditawarkan kepada anggota untuk membeli barangan seperti barangan elektrik, barangan komputer, telefon pintar, barangan kemas 916, pemasangan sistem tenaga solar, barangan Thermomix, motosikal Elektrik, barangan elektrik Khind.

## 7. PENYEWAAN TAPAK MESIN ATM

Aktiviti penyewaan tapak mesin ATM (Automated Teller Machine) yang terdapat di Kedai Ar-Rahnu X'Change merupakan satu kemudahan yang telah menarik minat pelanggan untuk datang ke Kedai Ar-Rahnu X'change. Sehingga tahun 2025, terdapat 3 tapak mesin ATM telah disewakan dengan harga sewaan sekitar RM300 hingga RM500 sebulan.

## 8. KAFETERIA DAN KEDAI SERBANEKA

- **KAFETERIA**

Perniagaan jualan makanan dan katering yang bertempat di Kafeteria Sekatarakyat di Bangunan Bank Rakyat Jalan Tangsi dan Gerai 5 dan Gerai 6 Menara Kembar Bank Rakyat (MKBR) menawarkan aktiviti perniagaan berbentuk menu hidangan harian untuk sarapan pagi, tengah hari dan minum petang. Aktiviti perniagaan ini juga menerima tempahan katering untuk sebarang majlis keraian atau mesyuarat. Antara menu yang mendapat sambutan tinggi ialah Kari Kepala Ikan Jalan Tangsi. Kafeteria juga ada menawarkan jualan kuih raya di bawah jenama Sekata Cookies. Operasi Kafeteria SKM di Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) di tamatkan kerana kontrak penyewaan ruang kafeteria di SKM tidak di sambung dan operasi kafeteria berakhir pada 27 Jun 2025.

- **KEDAI SERBANEKA**

Perniagaan kedai serbaneka yang beroperasi di Menara Kembar Bank Rakyat, Jalan Rakyat dan Bangunan Bank Rakyat di Jalan Tangsi merupakan aktiviti perniagaan yang memberikan kemudahan kepada pelanggan dalam membekalkan barangan seperti minuman, makanan ringan, penjagaan diri, barangan keperluan wanita dan bayi serta barangan lain.

# LAPORAN LEMBAGA PENGARAH 2025

- **KAFE D'SEKATA**

Perniagaan makanan dan minuman beroperasi di Lobi Menara 1, Menara Kembar Bank Rakyat (MKBR), Jalan Rakyat yang berkonsepkan "Coffee House". D'Sekata juga menjadi lokasi perbincangan santai dan selesa kepada para pelanggan. Kebanyakan pelanggan terdiri daripada kakitangan Bank Rakyat, penyewa Menara 2, MKBR dan pihak luar. Operasi D'Sekata bermula pada pukul 7.00 pagi sehingga pukul 7.00 petang bermula hari Isnin sehingga Jumaat. Operasi perniagaan ditutup pada hari Sabtu dan Ahad serta Cuti Umum.

## 9. TASKA QASEH NURI

Taman Asuhan Kanak-kanak (Taska) merupakan pusat jagaan yang menerima kanak-kanak berusia antara 3 bulan hingga 4 tahun. Taska Nuri mula beroperasi pada 4 Januari 2016 dan ditubuhkan dengan tujuan memberikan nilai tambah dalam bentuk kebajikan khusus kepada anggota Sekatarakyat. Selain itu, Taska Nuri juga dibuka untuk masyarakat setempat di kawasan sekitar.

Taska Nuri menyediakan keperluan asas seperti makanan, waktu tidur, dan penjagaan kebersihan. Selain itu, taska ini menawarkan aktiviti pendidikan awal yang sesuai dengan tahap perkembangan kanak-kanak, seperti aktiviti bermain sambil belajar yang merangsang perkembangan fizikal, mental, sosial, dan emosi mereka. Keselamatan kanak-kanak sentiasa menjadi keutamaan dengan memastikan sistem pengawasan CCTV berfungsi dengan baik dan selamat. Taska Nuri juga memastikan tenaga pengasuh yang dilantik mempunyai pengalaman dan wajib menjalani Kursus Asuhan Permata (KAP) yang ditetapkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

### AKTIVITI TAHUNAN DI TASKA NURI



# LAPORAN LEMBAGA PENGARAH 2025



30 MEI 2025 | Sambutan Hari Guru dan Hari Ibu.



3 JULAI 2025 | Program "Gigi Saya Sihat".



29 OGOS 2025 | Sambutan Hari Merdeka dan Ulangahun Kelahiran Kanak-kanak Mei-Ogos.

# LAPORAN LEMBAGA PENGARAH 2025

## 10. SEKATA APARTMENT

Sekata Apartment mula beroperasi pada 16 Ogos 2017 dan terletak di Orchid Deluxe Park, Ringlet, Cameron Highlands, Pahang. Berlatarkan keindahan alam semula jadi serta persekitaran yang tenang dan mendamaikan, Sekata Apartment menawarkan pengalaman penginapan yang berkualiti tinggi sejajar dengan komitmen Sekatarakyat dalam menyediakan kemudahan terbaik kepada warga kerjanya dan masyarakat umum.

Sekata Apartment menampilkan 32 unit apartmen berkonsepkan rumah rehat, setiap satunya dilengkapi dengan tiga bilik tidur dan dibahagikan kepada dua kategori utama iaitu Standard dan Premium. Kemudahan ini disediakan khusus untuk kegunaan Anggota Sekatarakyat, Kakitangan Bank Rakyat dan warga kerja Sekatarakyat, di samping turut dibuka kepada orang awam, termasuk individu, keluarga, kumpulan serta organisasi dari dalam dan luar negara.

Setiap unit apartmen direka dengan penekanan terhadap keselesaan dan fungsi, menampilkan ruang dalaman yang luas serta perabot moden berinspirasi elemen Asia. Kesemua unit dilengkapi dengan ruang tamu dan ruang makan berasingan, balkoni peribadi serta dapur kecil, bagi memastikan pengalaman penginapan yang selesa dan menyeluruh.

Selaras dengan aspirasi Sekatarakyat, matlamat Sekata Apartment adalah untuk menyediakan persekitaran penginapan yang kondusif bagi membantu tetamu merehatkan minda daripada kesibukan harian, di samping menikmati tahap keselesaan dan kepuasan perkhidmatan yang tinggi.

Secara keseluruhannya, Sekata Apartment merupakan destinasi penginapan yang ideal bagi mereka yang mencari percutian santai dan berkualiti di Cameron Highlands. Gabungan lokasi yang strategik, suasana yang mendamaikan serta kemudahan penginapan yang selesa menjadikan Sekata Apartment sebagai pilihan yang mencerminkan nilai profesionalisme dan keunggulan perkhidmatan Sekatarakyat.



# LAPORAN LEMBAGA PENGARAH 2025

## 11. SEKATA MAKMUR

Sekata Makmur telah mula beroperasi pada 1 Februari 2022 di Orchid Deluxe Park, Ringlet, Cameron Highlands, Pahang, dengan menyediakan pelbagai kemudahan termasuk Bilik Mesyuarat, Bilik Persidangan, Dewan Serbaguna, Surau, Bilik Persalinan Perkahwinan, Kaunter Resepsi, Ruang Menunggu VIP, Bilik Penyediaan Katering serta kolam renang. Sepanjang tahun 2025, Sekata Makmur telah menjadi lokasi bagi pelbagai majlis dan acara yang telah dianjurkan.

### 3 JANUARI 2025 | Majlis Perpisahan Dr. Jagdev Singh – Klinik Kesihatan Ringlet



# LAPORAN LEMBAGA PENGARAH 2025

## 11 JANUARI 2025 | Majlis Perkahwinan – Puteri Afiqah & Nur Amirul Shah



## 23 JANUARI 2025 | Majlis Graduasi Pelajar – Tadika Big Apple, Ringlet



# LAPORAN LEMBAGA PENGARAH 2025

## 8 FEBRUARI 2025 | Majlis Sambutan Tahun Baru Cina & Ulangtahun Pembukaan Ke-3 Sekata Makmur



## 9 FEBRUARI 2025 | Majlis Makan Malam Perkahwinan Mr Puwiyalagen A/L Anbalagan



# LAPORAN LEMBAGA PENGARAH 2025

**17 MAC 2025** | Majlis Berbuka Puasa Sekata Makmur Bersama  
Pelajar Sekolah Tahfiz MTQ Addin-4, Tapah



**24 APRIL 2025** | Majlis Rumah Terbuka Hari Raya  
Aidilfitri Sekata Makmur



# LAPORAN LEMBAGA PENGARAH 2025

4 MEI 2025 | Persidangan Perwakilan UMNO Cawangan Ringlet



10 MEI 2025 | Majlis Sambutan Hari Lahir Yee Hui Ling




# LAPORAN LEMBAGA PENGARAH 2025

10-12 MEI 2025 | Team Building Sekatarakyat 2025



1 JUN 2025 | Majlis Perkahwinan Mr. Yatheeswaran  
& Mrs. Reebekah



# LAPORAN LEMBAGA PENGARAH 2025

24-25 JUN 2025 | Mesyuarat Dalaman Pegawai-Pegawai SKM Negeri Perak



20-22 OGOS 2025 | Bengkel Post SAK Pengurusan Kenderaan Suruhanjaya  
Koperasi Malaysia (SKM) Ibu Pejabat dan Cawangan Negeri 2025



# LAPORAN LEMBAGA PENGARAH 2025

24 OGOS 2025 | Festival Cabaran Renang Terbuka Sekata Makmur 2025



30-31 OGOS 2025 | Program Sambutan Merdeka Sekata Makmur 2025



# LAPORAN LEMBAGA PENGARAH 2025

**24 SEPTEMBER 2025** | Program Sambutan "Health, Safety & Environment (HSE) Day 2025" – TNB REMACO Cameron Highlands



**2 OKTOBER 2025** | Sambutan Bulan Kesihatan Mental & Pencegahan Bunuh Diri – Pejabat Kesihatan Daerah Cameron Highlands & Pejabat Kesihatan Daerah Bentong



# LAPORAN LEMBAGA PENGARAH 2025

**21-23 OKTOBER 2025** | Bengkel Penyediaan Laporan Inferensi Penyeliaan Koperasi (SKM) 2025 – Bahagian Penyeliaan & Tadbir Urus



**23 OKTOBER 2025** | Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang – Perbadanan Kemajuan Cameron Highlands (PKCH)



# LAPORAN LEMBAGA PENGARAH 2025

**25 OKTOBER 2025** | Majlis Rumah Terbuka Sambutan  
Perayaan Deepavali Sekata Makmur 2025



**31 OKTOBER 2025** | Mesyuarat AGM JMB Camelia Apartment,  
Orchid Deluxe Park, Ringlet 2025



# LAPORAN LEMBAGA PENGARAH 2025

**7 NOVEMBER 2025** | Sambutan Hari Pembantu Perawatan Kesihatan (PPK) Peringkat Negeri Pahang 2025 – Hospital Sultanah Hajjah Kalsom, Cameron Highlands



**7 NOVEMBER 2025** | Majlis Lambaian Budi, Sentuhan Kasih – Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS)



# LAPORAN LEMBAGA PENGARAH 2025

## 11-12 NOVEMBER 2025 | Kursus Komunikasi Penyeliaan & Integriti Kakitangan – SKM Kedah



## 28-30 NOVEMBER 2025 | Sesi Percambahan Minda Sekatarakyat 2025



# LAPORAN LEMBAGA PENGARAH 2025

## 6 DISEMBER 2025 | Makan Malam – Kelab Kebajikan & Rekreasi Hospital Cameron Highlands



## 13 DISEMBER 2025 | Cabaran Permainan Catur Sekata Makmur 2025





# LAPORAN LEMBAGA PENGARAH 2025

**18 DISEMBER 2025** | Majlis Graduasi Pelajar  
– Tadika Pei Zheng, Ringlet



**19 DISEMBER 2025** | Majlis Graduasi Pelajar  
– Tadika Big Apple, Ringlet



# LAPORAN LEMBAGA PENGARAH 2025

**31 DISEMBER 2025** | Majlis Sambutan Ambang Tahun Baru 2026  
& Cabaran Karaoke Sekata Makmur 2025



# LAPORAN LEMBAGA PENGARAH 2025

## 12. KENNY ROGERS ROASTERS

KENNY Rogers Roasters (KRR) Cameron Highlands telah memulakan operasi pada 1 Jun 2022 di bangunan Sekata Makmur, Orchid Deluxe Park, Ringlet, Cameron Highlands, Pahang. Cawangan ini merupakan yang pertama seumpamanya di kawasan Cameron Highlands.

KRR ialah sebuah restoran keluarga yang menekankan konsep hidangan sihat dengan ayam panggang sebagai menu utama. Hidangan ini disertakan dengan pelbagai pilihan sampingan seperti muffin istimewa buatan sendiri, sayur-sayuran segar, pasta, sup, pencuci mulut, serta minuman panas dan sejuk. Restoran ini menawarkan suasana yang selesa dan mesra pelanggan bagi memastikan pengalaman makan yang memuaskan.

Selain perkhidmatan di restoran, KRR Cameron Highlands turut menyediakan perkhidmatan penghantaran ke seluruh kawasan Cameron Highlands, membolehkan pelanggan menikmati hidangan tanpa perlu keluar dari kediaman. Restoran ini juga menerima tempahan untuk pelbagai majlis dan acara seperti hari lahir, ulang tahun perkahwinan, dan pertemuan semula, lengkap dengan penyediaan ruang, hiasan, serta perkhidmatan catering.



# LAPORAN LEMBAGA PENGARAH 2025

## PERKEMBANGAN PROJEK HARTANAH

PROJEK PERUMAHAN TAMAN IRMA SEKATA, SALAK TINGGI, SELANGOR



PROJEK PERUMAHAN TAMAN SEKATA MAWAR, MANTIN, NEGERI SEMBILAN



# LAPORAN LEMBAGA PENGARAH 2025

PROJEK PERUMAHAN VILLA BUKIT NEGERI, SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN



PROJEK PERINDUSTRIAN KOTA ELMINA, SHAH ALAM, SELANGOR



PROJEK PERINDUSTRIAN PONTIAN, JOHOR



# LAPORAN LEMBAGA PENGARAH 2025

## KEBAJIKAN ANGGOTA

SETIAP tahun kebajikan anggota menjadi keutamaan dalam operasi harian Sekatarakyat. Beberapa kemudahan telah disediakan kepada anggota-anggota Sekatarakyat. Antaranya ialah:

- **TABUNG KHAIRAT DAN KEBAJIKAN**

Kemudahan ini diberikan kepada anggota-anggota Sekatarakyat berkuat kuasa mulai 22 Jun 2002. Pada tahun 2025, sebanyak RM182,900 telah disumbangkan kepada 379 orang anggota sebagai sumbangan Sekatarakyat atas kehilangan anggota keluarga ataupun bencana yang dihadapi. Walaupun jumlah yang disumbangkan mungkin tidak dapat menggantikan kehilangan yang dialami, namun ia diharapkan dapat membantu dalam menghadapi masa-masa yang sukar.

- **TABUNG SAGUHATI PENDIDIKAN LANJUTAN**

Anggota-anggota Sekatarakyat mula menikmati tabung ini sejak 1 Januari 2003. Pada tahun 2025, sebanyak RM70.5ribu telah diberi kepada 147 orang anggota atas kejayaan anak-anak anggota dalam pelajaran. Ia diharapkan akan menjadi pendorong kepada mereka supaya meneruskan usaha dalam mencapai kejayaan yang lebih cemerlang di masa hadapan.

- **TAKAFUL KENDERAAN**

Sekatarakyat menawarkan kepada anggota perkhidmatan perniagaan takaful kenderaan dengan memberikan potongan harga sebanyak 5% kepada anggota yang membuat pembayaran secara tunai. Sekatarakyat turut menawarkan kemudahan bayaran balik melalui potongan gaji dalam tempoh setahun tanpa mengambil sebarang keuntungan. Anggota juga boleh mendapatkan produk lain yang disediakan antaranya takaful kembara (takaful travel), takaful kebakaran (houseowner) dan perlindungan untuk pembiayaan.

- **PEMBIAYAAN NAIK SEKOLAH**

Pembiayaan Naik Sekolah adalah pembiayaan bertujuan membantu anggota mendapatkan kemudahan pembiayaan pendidikan bagi anak yang berumur 6 tahun ke atas. Pembiayaan ini ditawarkan tanpa dikenakan kadar keuntungan dan jumlah maksimum pembiayaan adalah sebanyak RM 2000 bagi 4 orang anak (RM500 seorang). Tawaran pembiayaan ini dibuka mulai pada bulan 11 November 2025 sehingga 12 Januari 2026.

- **TAHLIL BULANAN**

Program ini dijalankan dengan kerjasama Surau Al-Barakah, MKBR, dan dimasukkan dalam Kalendar Tahunan Bank Rakyat sebagai makluman kepada warga kerja, khususnya anggota Sekatarakyat. Ia bertujuan merapatkan hubungan dengan Sang Pencipta, memperingati anggota, ahli keluarga dan saudara yang telah kembali ke rahmatullah, serta melahirkan rasa syukur atas nikmat Yang Maha Agung. Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Yasin, Tahlil dan Doa Selamat, diikuti solat fardhu Zuhur secara berjemaah. Secara keseluruhan, program ini berjaya dilaksanakan setiap bulan, mendapat sambutan baik warga kerja Ibu Pejabat Bank Rakyat, dan turut dihadiri jemaah dari luar.

# LAPORAN LEMBAGA PENGARAH 2025


## SUMBER MANUSIA

SEKATARAKYAT amat menitikberatkan Pembangunan Sumber Manusia bagi memastikan organisasi dapat ditumpukan dalam proses strategik pembangunan individu supaya warga kerja dapat memainkan peranan yang penting untuk mencapai matlamat utama Sekatarakyat.

Bagi mencapai prestasi yang optimum, Sekatarakyat telah menggariskan beberapa elemen penting, termasuk :-


- **PEMBANGUNAN KOMPETENSI DAN KEMAHIRAN**  
Memastikan warga kerja memiliki pengetahuan dan kemahiran yang relevan dengan tugas mereka, melalui latihan berterusan dan program pembangunan profesional.
- **PENJAGAAN KESEJAHTERAAN WARGA KERJA**  
Mengutamakan kebajikan warga kerja dengan menyediakan persekitaran kerja yang sihat dan menyokong keseimbangan antara kerja dan kehidupan peribadi.
- **PENGIKTIRAFAN DAN GANJARAN**  
Memberi pengiktirafan terhadap prestasi cemerlang dan menyediakan insentif yang adil untuk meningkatkan motivasi dan komitmen warga kerja.
- **PENGURUSAN PRESTASI YANG ADIL**  
Melaksanakan sistem penilaian prestasi yang objektif dan telus, serta menyediakan maklum balas konstruktif untuk perkembangan individu.
- **PEMBANGUNAN KEPIMPINAN**  
Melatih pemimpin yang berwibawa dan berintegriti untuk memimpin pasukan dengan efektif, serta menjadi teladan dalam budaya kerja yang positif.

Sehingga 31 Disember 2025, koperasi ini dibarisi 173 warga kerja yang komited, menjadi nadi kepada kejayaan koperasi dan pemacu manfaat kepada seluruh anggota. Pecahan warga kerja sehingga 31/12/2025 adalah seperti yang berikut :-




# LAPORAN LEMBAGA PENGARAH 2025

Pecahan jantina warga kerja sehingga 31 Disember 2025 adalah seperti yang berikut :-



Pecahan peringkat umur warga kerja sehingga 31 Disember 2025 adalah seperti yang berikut :-

KATEGORI	UMUR (TAHUN)	BILANGAN
1	60 tahun ke atas	2
2	50-59	5
3	40-49	14
4	30-39	87
5	20-29	64
6	19 ke bawah	1



Bilangan Keseluruhan Warga Kerja

## LATIHAN / KURSUS / SEMINAR / PROGRAM WARGA KERJA

MENGIKTIRAF bahawa kekuatan sesebuah organisasi terletak pada kualiti modal insan, Sekatarakyat terus komited dalam memperkasakan potensi setiap warga kerja sebagai aset terpenting dalam organisasi. Sepanjang tahun 2025, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan bagi mewujudkan persekitaran kerja yang menyokong pertumbuhan profesional dan peribadi, di samping memupuk budaya kerja yang inklusif, kolaboratif dan berpaksikan prestasi.

Pelbagai latihan / kursus / seminar/ program telah dilaksanakan sepanjang tahun. Bagi tahun 2025, antara inisiatif utama selari dengan Polisi Latihan Sekatarakyat adalah seperti berikut :-

- Menyediakan peruntukan sekurang-kurangnya 5% daripada gaji pokok untuk tujuan pembangunan latihan sejajar dengan Polisi Latihan/Kursus warga kerja yang ditetapkan.
- Memastikan setiap warga kerja diberikan peluang mengikuti latihan sekurang-kurangnya satu (1) hari latihan atau bersamaan 8 jam waktu bekerja dalam setahun.
- Perancangan keperluan latihan perlulah disediakan berdasarkan kepada konsep "training needs analysis" atau Analisis Keperluan Latihan dan keperluan semasa mengikut kompetensi seseorang warga kerja.
- Perancangan latihan ini juga adalah sejajar dengan proses Pelan Penggantian (succession planning) yang telah dirangka dan diluluskan di peringkat Lembaga Pengarah bagi memastikan organisasi diuruskan oleh warga kerja yang memahami budaya kerja sesebuah koperasi.

# LAPORAN LEMBAGA PENGARAH 2025

Penetapan dasar dan polisi ini dapat mempertingkatkan motivasi seseorang warga kerja di samping sejajar dengan Prinsip Koperasi Ke-5 iaitu "Pendidikan, Latihan dan Maklumat".

Setiap warga kerja perlu mengikuti latihan / kursus / seminar / program yang dijadualkan sepanjang tahun sama ada secara dalaman (in-house) atau secara luaran di Institusi Koperasi Malaysia (IKMa), Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA), Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (Malaysian Employers Federation – MEF), syarikat pengendali di bawah seliaan Human Resources Development Fund (HRDF) atau syarikat-syarikat luar yang berkaitan dengan skop tugas dan fungsian mengikut unit masing-masing.

Kursus/Latihan secara dalaman (in-house) juga yang diatur bersama Y. Bhg. Datuk Mohamed Arsad Sehan (Pengerusi) meliputi butiran seperti yang berikut :-

- Pengurusan Strategik
- Pelan Penggantian (Succession Planning)
- Kaedah Pengurusan Wang Tunai
- Team Penyediaan Buku Laporan Tahunan MAP
- Kesihatan Warga Kerja
- Ceramah Bulanan
- Persediaan Sesi Percambahan Minda

Kepatuhan kepada dasar dan polisi ini akan dinilai melalui penilaian prestasi tahunan. Dengan wujudnya dasar dan polisi ini, Sekatarakyat akan terus bergerak mengikut landasan yang ditetapkan tanpa mengabaikan keperluan anggota.

## LAPORAN ALAM SEKITAR, SOSIAL DAN TADBIR URUS (*Environmental, Social and Governance*)


SEKATARAKYAT melaksanakan pelbagai inisiatif "Environmental, Social and Governance" (ESG) sebagai sebahagian daripada tanggungjawab sosialnya, sejajar dengan perhatian pelabur, kerajaan dan masyarakat terhadap kelestarian organisasi. Aktiviti ESG termasuk penyediaan dan penjualan baja kompos daripada dapur kafeteria, pengumpulan dan penjualan minyak masak terpakai, serta pengumpulan pakaian terpakai untuk disumbangkan kepada badan NGO, menunjukkan komitmen Sekatarakyat terhadap amalan lestari dan sumbangan sosial yang berimpak.

### 1. JAWATANKUASA ESG

NAMA	JAWATAN
Mohamad Faizul Md Yunus	Pengerusi
Mohd Hafiz Bukhari	AJK
Karimah Ali	AJK
Ahmad Fu'ad Kamarulzaman	AJK
Mohd Tarmizi Md Nasir	AJK
Mohamad Hazize Hakimi Fazie Abdul Aziz	AJK
Siti Nor Dianti Mohd Dalam	AJK
Farah Izzati Mhd Nasri	AJK
Nurina Maisarah Nor Hasmadi	AJK
Farah Athirah Shamdin	AJK
Abu Bakar Sidek Nazirman	AJK

# LAPORAN LEMBAGA PENGARAH 2025

## 2. STRUKTUR ESG



# LAPORAN LEMBAGA PENGARAH 2025


## 3. PROGRAM-PROGRAM ESG YANG TELAH DILAKSANAKAN

### • PENGURUSAN SISA-SISA MAKANAN

Sekatarakyat telah mula melaksanakan pengurusan sisa-sisa makanan di premis perniagaan yang terpilih mulai 12 Jun 2023. Kaedah yang digunakan bagi pengurusan sisa-sisa makanan adalah seperti yang berikut :

#### • VERMICOMPOST

- Proses menyediakan kompos telah mulai dilaksanakan pada 12 Jun 2023
- Proses ini hanya dilaksanakan di Kafeteria Sekatarakyat, Jalan Tangsi, 50732 Kuala Lumpur WP Kuala Lumpur.
- Proses kompos ini menggunakan cacing bagi menguraikan sisa makanan.
- Sisa makanan yang diproses untuk menjadi baja adalah sisa-sisa makanan bahan mantah sebelum dimasak seperti sayur-sayuran yang rosak, kulit telur, kulit buah-buahan dan juga kertas
- Proses penghasilan baja kompos mengambil masa selama 11 hari untuk membuat tuaian.
- Baja yang dihasilkan dijual kepada anggota-anggota Sekatarakyat di Menara Kembar Bank Rakyat, Jalan Rakyat 50470 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan
- Gambar proses penghasilan dan penuaian baja kompos adalah seperti dibawah :



Gambar sekitar pembelian baja kompos oleh anggota-anggota Sekatarakyat



# LAPORAN LEMBAGA PENGARAH 2025

- **MESIN KOMPOS REENCE**

- Kaedah penggunaan mesin kompos ini mula dilaksanakan mulai 1 Mac 2025
- Penggunaan mesin ini dilaksanakan di Ibu Pejabat Sekatarakyat, Menara 2, Menara Kembar Bank Rakyat, 50470 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan
- Terdapat 2 mesin yang digunakan untuk memproses sisa-sisa lebihan makanan untuk dijadikan baja kompos
- Gambar adalah seperti yang berikut :



- **KOMPOS LUBANG TANAH**

- Kaedah ini digunakan bagi menguraikan sisa-sisa makanan melalui lubang kompos yang disediakan didalam tanah.
- Pelaksanaan ini bermula 9 November 2025 bertempat di Sekata Apartment, Jalan Odp 2, Taman Ringlet 39000 Ringlet, Pahang
- Gambar adalah seperti yang berikut :



# LAPORAN LEMBAGA PENGARAH 2025

- **PROGRAM PENANAMAN POKOK**

Sekatarakyat telah melaksanakan program penanaman pokok sebanyak 3 kali mulai tahun 2023 sehingga 2025. Butiran program adalah seperti yang berikut :

- **18 NOVEMBER 2023 (SABTU)**

- Program Penanaman 50 Batang Pokok Sempena Sambutan Jubli Emas Sekatarakyat di Taman Botani Bangi, Fakulti Sains & Teknologi, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Selangor Darul Ehsan
- Program tersebut mendapat kerjasama dengan Institut Perubahan Iklim, UKM
- Seramai 52 wakil Sekatarakyat dan 41 wakil dari UKM mengikuti program tersebut
- Sebanyak 50 batang anak pokok yang telah ditanam yang terdiri daripada :-

SPEKIES ANAK POKOK	KUANTITI (BATANG)
Keladan	5
Keruing Gondol	7
Merbau	6
Balau Pasir	5
Meranti Pipit	9
Bekak	8
Meranti Tembaga	3
Cenggal	4
Sentul	3
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>50</b>

- Gambar-gambar sekitar program :



# LAPORAN LEMBAGA PENGARAH 2025

- **28 SEPTEMBER 2024 (SABTU)**

- Program Penanaman Pokok sebanyak 10 batang pokok dengan Jabatan Landskap dan Taman, Bahagian Hortikultur dan Pertanian Bandar, Perbadanan Putrajaya bertempat di Persiaran Alamanda, Putrajaya.
- 2 jenis pokok terdiri daripada Tabebuia Rosea (5 batang) dan Eucalyptus Deglupta (5 batang).
- Seramai 22 wakil Sekatarakyat dan 4 wakil dari Perbadanan Putrajaya mengikuti program tersebut.
- Gambar sekitar program adalah seperti yang berikut :



- **9 OGOS 2025 (SABTU)**

- Sekatarakyat meneruskan program tersebut dengan menanam 10 batang pokok jenis landskap.
- 1 jenis pokok landskap yang ditanam iaitu jenis Eucalyptus Deglupta sebanyak 10 batang.
- Penganjuran program ini dikendalikan bersama Jabatan Landskap dan Taman, Bahagian Hortikultur dan Pertanian Bandar, Perbadanan Putrajaya.
- Lokasi penanaman pokok bertempat di Persiaran Alamanda, Putrajaya
- Gambar-gambar sekitar program adalah seperti yang berikut :



# LAPORAN LEMBAGA PENGARAH 2025

- **PENGUMPULAN MINYAK MASAK TERPAKAI**

- Sekatarakyat telah melaksanakan proses pengumpulan minyak masak terpakai dari dapur-dapur Kafetaria dan Medan Selera Sekatarakyat mulai 2 Januari 2020
- Pusat pengumpulan minyak masak terpakai di Kafetaria Sekatarakyat, Jalan Tangsi, 50732 Kuala Lumpur WP Kuala Lumpur
- Minyak masak terpakai dikumpul dan dijual kepada syarikat yang menghasilkan Biodiesel bagi mengelakan pencemaran
- Gambar-gambar bagi pengumpulan dan penjualan minyak masak terpakai adalah seperti yang berikut :



- **PENGUMPULAN BOTOL PLASTIK**

- Pengumpulan botol plastik mula dilaksanakan mulai 2 Mac 2025
- Program ini dilaksanakan kerana Sekatarakyat merupakan pembekal air mineral kepada pelanggan-pelanggannya di sekitar Lembah Klang
- Botol-botol plastik yang telah dikumpul dan direkodkan butirannya sebelum dijual kepada syarikat kitar semula



# LAPORAN LEMBAGA PENGARAH 2025

## • PENUMPULAN PAKAIAN TERPAKAI

- Program ini mula dilaksanakan pada 11 Julai 2024
- Tempat pengumpulan Menara Kembar Bank Rakyat, 33, Jalan Rakyat, Brickfields, 50470 Kuala Lumpur.
- Butiran pihak yang akan menerima sumbangan tersebut adalah seperti yang berikut :
  - Nama pertubuhan : Pertubuhan Amal Seri Sinar
  - Alamat : Lokasi - Lot 754, Sungai Tekali, Batu 14, 43100 Hulu Langat, Selangor, Malaysia.
  - Pakaian terpakai yang disumbangkan akan didermakan kepada golongan-golongan kurang berkemampuan.
- Sehingga 31 Oktober 2025 sebanyak 1,211 helai pakaian telah berjaya dikumpulkan. Sumbangan diterima daripada Kakitangan dan anggota-anggota Sekatarakyat
- Gambar-gambar sekitar pelaksanaan program :



## • PEMASANGAN SOLAR DI PREMIS PERNIAGAAN

- Pemasangan solar di bangunan Melawati milik Sekataraktar telah dilaksanakan pada 7 Oktober 2025.
- Gambar-gambar sekitar pemasangan solar adalah seperti yang berikut :



#### 4. SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS (SDG)

KATEGORI	PERKARA	PERINCIAN PERKARA	AKTIVITI SEKATARAKYAT
SDG 1	Tiada Kemiskinan	Menghapuskan kemiskinan dalam semua bentuk di seluruh dunia. Termasuk memastikan akses kepada bantuan kewangan, perlindungan sosial, pekerjaan stabil, dan peluang ekonomi.	Menyediakan peluang pekerjaan dan memperkukuh ekonomi komuniti dengan menetapkan gaji minima Sekatarakyat RM1,900.
SDG 2	Sifar Kelaparan	Menghapuskan kelaparan, memastikan keselamatan makanan, pemakanan yang baik, dan mempromosikan pertanian mampan.	Menyediakan peluang pekerjaan dan memperkukuh ekonomi komuniti dengan menetapkan gaji minima Sekatarakyat RM1,900 dan pemberian infak Ramadhan kepada komuniti setempat.
SDG 3	Kesihatan Baik & Kesejahteraan	Memastikan kehidupan sihat dan menggalakkan kesejahteraan untuk semua peringkat umur. Termasuk akses rawatan, pencegahan penyakit, kesihatan mental, dan keselamatan kerja.	Sekatarakyat menyediakan skim perubatan, perlindungan takaful dan faedah tuntutan untuk menjaga kebajikan kesihatan warga kerja.
SDG 4	Pendidikan Berkualiti	Memberi pendidikan menyeluruh, inklusif dan berkualiti serta peluang pembelajaran sepanjang hayat untuk semua.	Latihan dan Kursus - pembangunan profesional untuk kakitangan agar mempunyai kemahiran terkini dan pengetahuan yang relevan.
SDG 5	Kesaksamaan Jantina	Menghapuskan diskriminasi dan keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak perempuan serta memastikan penyertaan sama rata dalam kehidupan sosial, ekonomi dan politik.	Koperasi menerapkan amalan kesaksamaan jantina melalui peluang pekerjaan.
SDG 6	Air Bersih & Sanitasi	Menjamin akses air bersih, sistem sanitasi selamat, dan pengurusan sumber air yang mampan.	Menyediakan khidmat sewaan mesin penapis air Coway memastikan pelanggan menerima air yang bersih, selamat dan berkualiti tinggi, bebas daripada bakteria, logam berat, klorin dan bahan pencemar.
SDG 7	Tenaga Mampan & Bersih	Memastikan akses kepada tenaga yang boleh dipercayai, berpatutan, moden dan mampan, termasuk tenaga boleh diperbaharui.	Pemasangan Solar - Pemasangan solar di Bangunan Sekatarakyat untuk mengurangkan penggunaan elektrik konvensional dan mengurangkan jejak karbon.
SDG 8	Pekerjaan Layak & Pertumbuhan Ekonomi	Menggalakkan pertumbuhan ekonomi mampan, produktiviti, inovasi, dan memastikan pekerjaan yang adil serta selamat kepada semua.	Sekatarakyat menyediakan peluang pekerjaan tetap dengan syarat adil, termasuk gaji, faedah, dan perlindungan sosial seperti KWSP, PERKESO dan Takaful Kakitangan.

# LAPORAN LEMBAGA PENGARAH 2025

KATEGORI	PERKARA	PERINCIAN PERKARA	AKTIVITI SEKATARAKYAT
SDG 9	Industri, Inovasi & Infrastruktur	Membangun infrastruktur moden, menggalakkan perindustrian yang mampan, dan menyokong inovasi teknologi.	Kursus Microsoft 365 - Menggalakkan penggunaan teknologi dan inovasi dalam operasi koperasi. Program Inovasi - Memupuk budaya inovasi dalam organisasi, meningkatkan proses dan perkhidmatan koperasi.
SDG 10	Mengurangkan Ketidaksamaan	Mengurangkan jurang ketidaksamaan pendapatan, peluang dan akses antara kumpulan sosial, ekonomi dan geografi.	Program Zakat kepada Asnaf yang dianjurkan dapat meningkatkan kesejahteraan dan mengurangkan jurang ekonomi dalam komuniti. '- Khairat Kematian - memberi sokongan kewangan kepada keluarga yang kehilangan ahli keluarga.
SDG 11	Bandar & Komuniti Mampan	Mewujudkan bandar dan penempatan manusia yang selamat, inklusif, berdaya tahan, hijau dan mampan.	Menjalankan projek Usaha Sama bagi membina perumahan (skim perumahan mampu milik di Selangor) - Pangsapuri Sekata Selangorku, Dengkil.
